

*Tarikh Dibaca: 19 APRIL 2019M / 13 SYAABAN 1440H*



# **KHUTBAH JUMAAAT**

*Tajuk:*

**“ANTARA HAK DAN KEINGINAN”**

\*\*\*

*Terbitan:*  
*Unit Khutbah*  
*Bahagian Pengurusan Masjid*  
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## "ANTARA HAK DAN KEINGINAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةً إِذَا قَضَى اللَّهُ  
وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ الْحِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَن يَعْصِ اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا  
الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيُّكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَّقُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
أَتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan beriltizam di atas jalan-Nya (agama-Nya) dan mengelakkan diri dari terpesong dari jalan yang lurus ini.

Khutbah kita pada minggu ini bertajuk "**“ANTARA HAK DAN KEINGINAN.”**

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

<sup>1</sup> Al-Ahzab : 36.



Manusia seringkali keliru untuk menentukan antara hak dan keinginan. Ini kerana mereka mungkin menganggap sesuatu perkara itu sebagai hak, tetapi pada hakikatnya ia hanyalah keinginan sahaja.

Terdapat banyak suara dan gerakan yang memperjuangkan hak asasi, tetapi hak yang ingin diperoleh itu bukanlah hak yang sepatutnya diperoleh. Itu hanyalah keinginan sahaja dan keinginan manusia tidak terbatas. Sebagai contoh mereka mendakwa bahawa minum arak itu adalah hak untuk mencapai ketenangan, menukar jantina itu adalah hak untuk menikmati rasa jati diri dan menolak syariat Islam adalah hak kebebasan bersuara mereka.

Namun, semua dakwaan tersebut bukanlah hak seperti yang disangka, tetapi ia hanyalah keinginan dan hawa nafsu manusia semata-mata. Jika dituruti semua keinginan nafsu dan seluruh selera manusia, maka pastinya ia akan membawa kerosakan kepada masyarakat. Mereka menuntut keinginan atas nama hak asasi.

Allah SWT berfirman dalam surah al-An'am ayat 153:

وَإِنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمٌ فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا آلَّ سُبُّلَ  
فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ



*"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa."*



## Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Menyingkap beberapa dakwaan yang dinyatakan tadi, khatib ingin menjelaskan bahawa dakwaan mengatakan bahawa arak merupakan hak seseorang sehingga perlu menganjurkan pesta adalah dakwaan yang tersasar. Ia bukan sahaja ditolak oleh Islam, tetapi juga ditolak oleh agama Kristian, Hindu, Budha, bahkan ditolak oleh semua agama. Ia memberikan kesan buruk kepada kesihatan khususnya kepada usus, perut, jantung, otak dan akal manusia. Tiada siapa yang suka sekiranya ahli keluarga pulang ke rumah dalam keadaan yang mabuk kerana ia boleh merosakkan barang rumah, mencederakan orang dan membahayakan diri sendiri. Dakwaan arak sebagai hak seseorang adalah tidak betul kerana minum arak hanyalah keinginan sahaja. Ia merupakan minuman yang menghilangkan kewarasan manusia dan membawa mudarat yang sangat banyak.

Begitu juga dakwaan sesetengah pihak bahawa menukar jantina merupakan suatu hak. Sebenarnya ia hanyalah keinginan yang berasaskan kejahilan dan timbul dari perasaan tidak puas hati atas ciptaan Allah. Ia hanyalah keinginan untuk berseronok sahaja kerana menukar jantina hanyalah mengubah suai alat kelamin tetapi hakikat dan identiti dirinya tidak berubah.

Manakala mereka yang menolak syariat Islam adalah golongan yang tidak memahami hakikat kejadian dirinya sebagai makhluk yang dicipta oleh al-Khaliq. Allah SWT telah manjadikan manusia, maka wajib ke atas manusia untuk beribadah kepada Allah SWT dan taat kepada segala syariat-Nya.

Daripada Abdullah bin Amru RadhiAllahu Anhuma bahawa dia mendengar Nabi SAW bersabda:



# كَتَبَ اللَّهُ مَقَادِيرَ الْخَلَائِقِ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِخَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ

"Allah SWT telah menentukan takdir semua makhluk sebelum Dia menciptakan langit dan bumi lima puluh ribu tahun."

(Riwayat Muslim).

Tuntutan kebebasan dan hak asasi ini merupakan pemikiran yang berasaskan kepada logik akal semata-mata tanpa bimbingan wahyu Allah. Pemikiran ini menjadikan hak asasi sebagai topeng untuk mendapatkan sesuatu yang mereka inginkan.

Firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 36 sebagaimana yang dibacakan dalam muqaddimah tadi yang bermaksud:

*"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata."*

## Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Sesungguhnya, Islam merupakan agama yang menyediakan aturan kehidupan yang mengurus kemahuan dan keinginan manusia sesuai dengan fitrah mereka. Islam telah menetapkan hukum-hakam yang berkaitan seluruh kehidupan manusia dengan lengkap dan sempurna daripada sekecil-kecil perkara seperti makan, minum, bersuci, sehingga sebesar-besarnya seperti kehidupan bersosial, bermuamalah dan juga bernegara.



Keistimewaan Islam ialah ia datang daripada wahyu yang merupakan sebagai pencipta kepada manusia. Dalam menyelesaikan kecelaruan untuk membezakan antara hak dan keinginan, manusia memerlukan bimbingan dan panduan daripada Allah. Manusia tidak mampu untuk membezakan antara keduanya kerana manusia sering membesarlu tuntutan dirinya sendiri berbanding orang lain. Oleh kerana Allah merupakan pencipta manusia, Allah mengetahui sifat semula jadi kejadian manusia. Allah telah meletakkan panduan yang sempurna antara hak dan keinginan. Selagaimana keinginan manusia tidak bercanggah dengan wahyu Allah maka ia dibenarkan. Sebaliknya jika ia bertentangan, maka wahyu Allah lah yang perlu diutamakan dan dijadikan pegangan.

Marilah kita mengambil pengajaran dari kisah Iblis sebagaimana yang diceritakan di dalam al-Quran apabila Allah memerintahkannya sujud kepada Adam. Iblis telah ingkar perintah ini kerana baginya tidak logik kejadian yang hebat diperintahkan untuk sujud kepada Adam yang lebih lemah ciptaannya. Dia gagal untuk membezakan antara hak dan kemahuan serta keegoannya, akhirnya ia tergolong dalam kalangan orang yang kafir. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 34:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ أَسْجُدُوا لِإِدَمْ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَيْنَ  
وَأَسْتَكَبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَفِرِينَ



"Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada malaikat: "Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam". Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir."

**Hadirl sekalian,**



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita menghayati beberapa pengajaran yang boleh diambil seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah mengenali bahawa segala ketetapan dan perintah Allah wajib dipatuhi oleh seluruh umat manusia sebagai tanda keimanan kepada Allah.
2. Umat Islam hendaklah memastikan hak dan keinginannya tidak bercanggah dengan wahyu Allah dan pedoman Rasulullah SAW.
3. Umat Islam hendaklah menolak segala keinginan yang bertopengkan hak asasi manusia atau kebebasan bersuara yang bertentangan dengan syariat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
صَلَوةٌ عَلَى مَحْمُودٍ  
قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي  
وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah Aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain."

(Yusuf : 108).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ  
مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ  
يَتَائِفَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا.  
الَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. أَللَّهُمَّ أَعِزُّ



الإِسْلَامُ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرَ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَيْكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظْ بِعِينِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَيَحْفَظْ وَقَائِتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ  
سلاُغُور، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ  
ابنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاُغُور، تَعْكُو  
أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ، فِي أَمْنِ وَصَلَاحِ وَعَافِيَةِ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ  
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan



keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana. Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا<sup>لِلْمُتَّقِينَ</sup> إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*